

# Kakitangan UMS-KAL hadiri Santapan Rohani Menjelang Ramadan

UB 20.07.2012 A2

**LABUAN:** Kakitangan akademik dan bukan akademik, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri ceramah agama Santapan Rohani Menjelang Ramadan di Bilik Kuliah, Podium A, universiti itu, kelmarin.

Ceramah agama hampir dua jam ditulisampaikan oleh Pegawai

Eksekutif Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Wilayah Persekutuan Labuan, Ustaz Ahmad Shahrizal Mohd Sofian.

Antara intipati ceramah agama anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid dengan Bahagian Pentadbiran itu ialah umat Islam diwajibkan menuanakan puasa Ramadan kerana ia adalah suruhan Allah SWT.

Selain itu, ianya juga disebabkan Nabi Muhamad mengerjakan ibadah berkenaan yang sewajarnya diikuti umatnya.

Beliau menjelaskan umat Islam perlu melaksanakan amalan dalam puasa iaitu bersahur lewat, berbuka awal dan sembahyang Terawih.

Shahrizal turut mengingatkan umat Islam supaya tidak lupa membayar zakat fitrah dengan memakai pakaian sopan dan berhemah ketika berurus dengan amil yang dilantik pihak



SEBAHAGIAN kakitangan lelaki yang menghadiri ceramah agama Santapan Rohani di UMS-KAL.



SEBAHAGIAN kakitangan wanita yang menghadiri ceramah agama Santapan Rohani di UMS-KAL.



SHAHRIZAL menunjukkan i-Zakat dalam laman web PPZ.

berkuasa agama.

"Puasa bukan sekadar melatih kita daripada tidak makan dan minum pada waktu siang tetapi ianya juga memberi kesan terhadap kehidupan sehari-hari, ekonomi, ikatan kekeluargaan dan perpaduan umat Islam keseluruhannya," katanya.